

## Ah long Johor diburu lari sampai ke Thailand

### 29 ahli sindiket pinjaman wang haram ditahan polis dalam Ops Vulture

BEBERAPA ahli sindiket ah long yang umpama cacing kepanasan akibat diburu polis negara ini dikesan cuba melarikan diri ke Thailand untuk mencari tempat persembunyian.

Bagaimanapun, lima ahli sindiket termasuk dua ketuanya yang dipercayai berasal dari Johor itu berjaya ditangkap ketika mahu melepasi sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kayu Hitam, Kedah pada 2 Ogos lalu.

Timbalan Pengarah Risikan dan Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mohd. Sakri Arifin berkata, kumpulan lima lelaki itu merupakan sebahagian daripada 29 individu yang terlibat dengan



MOHD. SAKRI (tiga dari kanan) menunjukkan barangan rampasan daripada ah long yang ditahan dalam Ops Vulture di Bukit Aman, Kuala Lumpur semalam.

empat sindiket ah long dan ditahan dalam Ops Vulture di Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan.

Kata beliau, operasi bermula dari 31 Julai hingga 3 Ogos lalu itu dibuat selepas polis menerima 20 laporan melibatkan pinjaman sebanyak RM575,950.



"Mangsa juga mengadu ditakutkan dengan pelbagai cara termasuk rumah mereka dilempar cat manakala butiran peribadi dan gambar mereka ditampal di tempat awam," katanya di Kuala Lumpur semalam.

➤ BERITA PENUH DI MUKA 3